



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
ANTARA JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA DAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
JANUARI 2024

TANJONG MALIM , 19 JANUARI 2024 - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) hari ini memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dan YBhg. Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff, Naib Canselor, UPSI dengan disaksikan oleh pegawai kanan kedua-dua agensi tersebut.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, antara bidang kerjasama yang telah dipersetujui oleh DOSM dan UPSI melalui MoU ini adalah perkongsian dalam penganalisaan data, penyelidikan perkongsian hasil analisis serta penemuan baru. Selain itu, MoU ini juga melaksanakan kerjasama yang berkaitan dengan penyelidikan dan perkongsian ilmu dalam bidang statistik, pembekalan, penyimpanan dan pertukaran maklumat dan peningkatan mutu maklumat rasmi seperti yang tertakluk oleh undang-undang yang akan dipersetujui bersama.

Beliau turut memaklumkan beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan dalam konteks pemodenan DOSM seperti pembangunan Pangkalan Data Utama (PADU) sebagai penyelar data antara agensi bagi mengumpul seberapa banyak maklumat sosio ekonomi isi rumah bertujuan untuk membantu kerajaan

menyediakan maklumat yang komprehensif bagi perkhidmatan kerajaan dalam memastikan pelaksanaan subsidi bersasar dapat direalisasikan dan boleh diakses melalui portal www.padu.gov.my.

Selain itu, pembangunan Portal OpenDOSM NextGen, aplikasi mudah alih dan statistik MyLocal Stats dan Kawasanku yang mana ia memaparkan statistik kependudukan dan indikator demografi serta sosioekonomi peringkat granular yang boleh menjadi nadi kepada perancangan lebih khusus dan spesifik mengikut bidang fokus di peringkat Parlimen dan DUN sebagai rujukan dan analisis perbandingan. Dengan maklumat ini, ia dapat memudahkan kerjasama dalam penyelidikan bersama kelak.

Kerjasama ini akan meneruskan lagi sokongan pembangunan pakar bidang di kedua-dua belah pihak bagi memenuhi keperluan data semasa dan akan datang dengan menerima pakai teknik statistik yang terkini, penerapan sains data dan analitik serta pendekatan inovatif lain. MoU antara DOSM bersama UPSI ini merupakan pembaharuan kepada MoU yang telah dimeterai sebelum ini pada tahun 2015. Sehingga hari ini UPSI adalah antara 24 Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh negara yang telah menjalinkan kerjasama MoU bersama DOSM.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah 'Statistik Nadi Kehidupan'.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah dilancarkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Untuk maklumat lanjut, boleh layari <https://www.padu.gov.my/>. Sebarang pertanyaan, boleh hubungi 1-800-88-7721 atau melalui SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
19 Januari 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
SIGNING CEREMONY MEMORANDUM OF UNDERSTANDING
BETWEEN DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
AND UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
JANUARY 2024

TANJONG MALIM , 19th JANUARY 2024 - The Department of Statistics Malaysia (DOSM) and Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) today signed a Memorandum of Understanding (MoU) by YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia, and YBhg. Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff, Vice-Chancellor of UPSI, witnessed by senior officers from both agencies.

The Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, stated the areas of collaboration agreed upon by DOSM and UPSI through this MoU are partnerships in data analysis, collaborative research in sharing and analyzing findings, and the discovery of new insights. Furthermore, the MoU facilitates cooperation related to research and knowledge sharing in the field of statistics, as well as the supply, storage, and exchange of information and the enhancement of the quality of official information, subject to jointly agreed-upon laws.

He also announced several initiatives that have been implemented in the context of the modernization of DOSM, such as the development of the Pangkalan Data Utama (PADU) as a data coordinator among agencies to collect socio-economic household information. The aim is to assist the government in providing

comprehensive information for public services to ensure the targeted subsidy implementation can be realized.

In addition, the development of the OpenDOSM NextGen Portal, mobile applications, and the MyLocal Stats and Kawasanku statistics platforms has taken place. These platforms display population statistics and demographic as well as socio-economic indicators at a granular level, serving as the pulse for more specific and focused planning according to the areas of focus at the parliamentary and state legislative levels. This serves as a reference and facilitates comparative analysis. With this information, it can streamline collaboration in future joint research endeavors.

This collaboration will further extend support for the development of expertise in both parties to meet current and future data needs. It involves adopting the latest statistical techniques, implementing data science and analytics, as well as other innovative approaches. The MoU between DOSM and UPSI represents a renewal of the previous MoU signed in 2015. As of today, UPSI is among the 24 universities in Malaysia that have established MoU collaborations with DOSM.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles of citizens and permanent residents in Malaysia. PADU is enthusiastic ensuring all Malaysian are not left behind from the citizen centric initiatives by the Government. Please kindly register and update PADU by 31 March 2024. For more information, please visit <https://www.padu.gov.my/>. If any inquiry, please contact 1-800-88-7721 or log it through SISPA <https://padu.spab.gov.my>.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
19th January 2024